



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Ministry of Education Malaysia

**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**  
Sports, Co-curricular And Arts Division

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333  
Faks : +603 88841034/88886790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

KPM.600-12/1/4 Jld. 17 ( 84 )

29 Januari 2021

**ENCIK GOH SWEE HONG**

Pengurus  
Big Tree Academy Malaysia Sdn. Bhd.  
49B, Jalan Bayu Tinggi 7  
Taman Bayu Tinggi  
41200 Klang  
**SELANGOR.**

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID UNTUK  
PERTANDINGAN MATEMATIK EMC (EDUKIDS MATHEMATICS CONTEST) 2020**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat tuan bertarikh 18 Januari 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak Big Tree Academy Malaysia Sdn. Bhd. memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui Pertandingan Matematik EMC (Edukids Mathematics Contest) yang telah berlangsung pada 15 Oktober hingga 5 Disember 2020 dan dijalankan secara dalam talian.

3. Bahagian ini telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan markah kokurikulum yang diberikan kepada peserta program adalah **penyertaan peringkat negeri**. Markah ini diambil kira dalam **pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)**. Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 1**.

4. Untuk makluman pihak tuan, sistem PAJSK untuk kemasukan markah kokurikulum tahun 2020 telah ditutup pada 31 Disember 2020. Walau bagaimanapun, bahagian ini akan membuka semula sistem PAJSK bermula **20 sehingga 31 Januari 2021** bagi memberi ruang kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk mengunci masuk pemarkahan penglibatan kokurikulum murid yang masih belum selesai bagi tahun 2020.

5. Bersama-sama ini dilampirkan jadual penilaian markah dan senarai nama pemenang di **Lampiran 2** untuk rujukan pihak tuan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Pn. Nadhirah binti Azman** di talian **03-8884 1090** atau e-mel [nadhirah@moe.gov.my](mailto:nadhirah@moe.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINAL BIN ABAS)**

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

NA/na

sk: 1. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri berkenaan